

## **SUMBANGAN SYEIKH DAUD DALAM PEMANTAPAN AKIDAH AHLI SUNNAH WA AL-JAMAAH DI NUSANTARA**

Abdull Rahman Mahmood

### **PENGENALAN**

Sheikh Daud al-Fatani dilahirkan pada pertengahan abad yang kelapan belas dan kehidupannya berterusan sehingga hampir pertengahan abad kesembilan belas. Tempoh waktu ini merupakan suatu masa yang sangat penting dalam sejarah umat Islam Asia Tenggara secara khusus dan dunia Islam secara umumnya. Abad ke-18 M menyaksikan kejatuhan kerajaan-kerajaan di tanah besar Asia Tenggara seperti kerajaan Siam (1767M), Johor Lingga (1699M), Myanmar (1752M), Mataram (1677M), Vietnam (1771M) dan Patani (1785M). Di samping itu juga, keadaan semakin bertambah buruk apabila pihak penjajahan Barat semakin kuat bertapak di rantau ini<sup>1</sup>.

Menurut ustaz Mohd. Shaghir nama penuh Syeikh Daud al-Fatani ialah Wan Daud bin Wan Abdullah bin Wan Idris. Bapanya bernama Wan Abdullah bin Wan Idris bin tok wan Abu Bakar bin Tok Kaya Pandak bin Andi Faqih Ali Datuk Maharajalela. Manakala ibunya pula bernama Wan Fatimah, anak kepada Wan Salamah bin Tok Banda Wan Su bin Tok Kaya Rakna Diraja bin Andi Faqih Ali Datuk Maharajalela. dari silsilah keturunan ini jelas menunjukkan bahawa kedua ibu bapa Syeikh Daud adalah dari keturunan yang sama iaitu Andi Faqih Ali<sup>2</sup>.

Tarikh kewafatan Syeikh Daud masih kabur, ada pendapat mengatakan bahawa beliau wafat pada tahun 1847 (1263H), ketika berusia 80 tahun<sup>3</sup>. Menurut Wan Mohd. Shagir, terdapat di dalam salah satu catatan keluarganya menyebut bahawa tahun kewafatan Syeikh Daud ialah 1849 (1265H)<sup>4</sup>.

Syeikh Daud dilahir dan dibesarkan di dalam keluarga yang amat mencintai dan menghayati budaya ilmu pengetahuan. Ayahnya Wan Abdullah dan datuknya, Wan Idris adalah dua tokoh ulama yang masyhur pada zaman mereka. Begitu juga bapa saudaranya Syeikh Shafiuddin adalah seorang yang terkenal alimnya<sup>5</sup>. Syeikh Daud dikatakan mendapat pendidikan awal dengan kaum keluarganya sendiri sebelum beliau belajar dengan guru-guru lain di sekitar Patani. Maklumat-maklumat tentang pendidikan awal Syeikh Daud di Patani selain dari keluarganya-masih kabur, ada pendapat yang menyatakan bahawa beliau telah mendapat pendidikan asasnya di Patani selama lima tahun sebelum berhijrah ke Mekah<sup>6</sup>.

## **SUASANA KEAGAMAAN DI ZAMAN SYEIKH DAUD AL-FATANI**

Menurut Prof. S.M. Naquib al-Attas kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu merupakan suatu proses sejarah yang sangat berkesan dalam membawa semangat pemodenan. Beliau menganggap bahawa kedatangan Islamlah yang sebenarnya membawa zaman baru di Nusantara, beliau menegaskan:

Kedatangan Islam di kepulauan melayu-Indonesia harus kita lihat sebagai mencirikan zaman baru dalam sejarahnya, sebagai semboyan tegas membawa rasionalisme dan pengetahuan akliyah, serta menegaskan suatu sistem masyarakat yang berdasarkan kebebasan orang perseorangan keadilan dan kemurnian pribadi manusia,... Islam membawa semangat rasionalisme dan intelektualisme bukan saja di kalangan istana dan keraton tapi malah sampai juga merebak kepada rakyat jelata.<sup>7</sup>

Pandangan ini disokong oleh M. A. Rauf, beliau menyatakan bahawa “bersama-sama kedatangan Islam datanglah keamanan, ilmu pengetahuan, kepandaian menulis dan membaca, keadilan sosial dan peradaban”<sup>8</sup>. Katanya lagi “Di surau-surau, kepandaian membaca dan menulis mulai berkembang dan tulisan Arab disesuaikan untuk bahasa Melayu”<sup>9</sup>. kemajuan dalam bidang ini berlaku dalam proses untuk mengajarkan pengikut islam tentang agama mereka yang baru.

Islam dipercayai mula tersebar di Patani sejak abad ke-10M atau ke-11M. Perkembangan ajaran Islam ketika itu hanya berlaku di kalangan masyarakat awam sahaja. Pada abad yang ke-15M, Raja Patani, kaum kerabat dan pembesar-pembesarnya telah menganut Islam<sup>10</sup>. Sejak pengislaman golongan pemerintah inilah ajaran Islam mula berkembang dengan pesatnya di seluruh pelusuk patani sebagaimana yang dinyatakan dalam *hikayat Patani*: “Syahdan agama Islam pun makin masyhurlah daripada segala dusun hingga datang kepada negeri Kota Maligai itu pun selamalah mengikut syariat Nabi Muhammad mustafa salsa Llahu ‘alaihi wasallama’.<sup>11</sup> Namun kemunculan Patani sebagai pusat kegiatan islam dan perdagangan hanya berlaku pada abad ke-16M dan 17M.<sup>12</sup> Selepas itu Patani melalui zaman kemerosotan dan perpecahan sebagaimana yang dijelaskan dalam suasana politik sebelum ini.

Abad ke-16M dan 17M merupakan kemuncak kemajuan kesusateraan melayu yang berunsurkan intelektualisme islam di nusantara. Abad ini telah menyaksikan suatu kemajuan dalam bidang penulisan sastera islam yang merangkumi ilmu-ilmu fikah, usuluddin, tasawuf dan falsafah metafizik,<sup>13</sup> khususnya di aceh, melaka dan patani. Tafsiran

al-Quran yang pertama telah diselenggarakan pada zaman ini, yang dikenali sebagai *tafsir Baydawi* yang ditulis oleh Sheikh Abdul Rauf al-Fansuri (1615-1693). Begitu juga terjemahan-terjemahan lain dan karya-karya asli dalam pelbagai disiplin ilmu-ilmu Islam telah banyak ditulis<sup>14</sup>. Menurut Prof. S. M. Naquib al-Attas bahawa:

Zaman inilah yang menandakan zaman pembangunan rasionalisme dan intelektualisme yang tidak pernah berlaku pada waktu-waktu lampau di manapun di Asia Tenggara umumnya dan di kepulauan Melayu-Indonesia khususnya. Zaman ini juga, bersamaan dengan berlakunya proses pendalamkan atau intensifikasi Islam pada jiwa masyarakat Melayu-Indonesia, telah merevolusikan pandangan hidup dan dasar kebudayaannya dan mengubahnya dari dasar estetik kepada dasar saintifik<sup>15</sup>.

Abad ke-17M telah menyaksikan ramai ulama yang berdominasi di Aceh, kerana Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam Syah dan Sultan Iskandar Thani sangat menggalakkan kehadiran mereka dan sekaligus menjalankan aktiviti-aktiviti dakwah Islamiah di Aceh dan kawasan serantau termasuk negeri Patani.<sup>16</sup>

Meskipun demikian, pada abad ke-18M, Patani mengalami situasi yang tidak menentu dan keadaan politik tidak stabil kerana ancaman penjajahan dari Siam. Perkara yang sama turut dihadapi oleh kuasa-kuasa Islam yang lain di rantau Nusantara akibat penjajahan imperialis Barat yang berlumba-lumba untuk meluaskan pengaruh dan tanah jajahan.<sup>17</sup> Keadaan ini telah menjelaskan proses perkembangan pendidikan dan penyebaran ilmu pengetahuan di dalam kawasan petani besar dan kawasan serantau amnya. Walau bagaimanapun, para pengkaji sama ada dari Barat atau pun Timur bersepakat, bahawa abad ke-18M dan ke-19M adalah zaman kebangkitan ilmu pengetahuan dan kesusasteraan Islam sekalipun perpecahan kuasa politik dan berbagai-bagai kesulitan yang dihadapi oleh kerajaan-kerajaan Islam di Nusantara ketika itu<sup>18</sup>.

Pada akhir abad ke-18M dan 19M, Patani telah melahirkan tokoh-tokoh ulama dan pendakwah yang gigih menyebarluaskan ajaran Islam dan mereka juga sangat kreatif dalam bidang penulisan kitab-kitab agama. Antara mereka ialah Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, Syeikh Muhammad bin Ismail al-Daudi al-Fatani, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani, Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani dan lain-lain<sup>19</sup>. Peranan ulama patani dalam bidang penulisan kitab-kitab agama pada dua abad ini merupakan satu sumbangan yang sangat besar dalam membentuk tamadun dan peradaban ilmu Islam di Patani dan juga Nusantara.

Antara fenomena ilmiah dan kebudayaan yang penting pada zaman tersebut ialah:

- Berkembangnya institusi pengajian di rumah, masjid dan pusat pengajian pondok di Patani dan kawasan Nusantara yang lain khususnya di Aceh. Masjid dan sekolah-sekolah pondok-yang pada asalnya dari masjid dan surau-telah diasaskan oleh para ulama dan mubaligh islam dengan dokongan dan sokongan daripada sultan-sultan yang memeritah. Bahkan, di peringkat awal penyebaran islam, istana-istana merupakan pusat penyebaran islam dan ilmu pengetahuan. Sultan-sultan Patani sangat prihatin terhadap perkembangan ilmu pengetahuan dan kepentingan Islam. Mereka juga telah memberikan penghormatan yang tinggi terhadap golongan ulama. Penglibatan pihak istana bukan sahaja menyuburkan Islam dalam struktur lahiriah, bahkan mengisi kerangka lahiriah itu dengan roh ilmu pengetahuan dan pendidikan. Hasilnya, wujud berbagai pusat pengajian Islam di rumah, surau, masjid dan istana di seluruh negeri Patani. Kecintaan terhadap agama dan keinginan untuk mendalamai ilmu pengetahuan jelas mempengaruhi raja-raja Melayu Patani sejak zaman permulaan Islam lagi. Mereka juga bertindak memperkenalkan para intelek dan ulama-ulama Islam untuk memperkuatkannya pegangan agama dan menubuhkan pusat-pusat penyebaran agama Islam. Contohnya Yang Dipertuan Along Yunus yang memeritah Patani pada awal abad ke-18M (1726-1727), beliau sangat mengambil berat tentang agama dan keadilan dalam pemeritahannya. Menurut *Hikayat Patani*:

Hatta antara berapa lamanya maka Alung Yunus pula kerajaan di Air Lilih sebelas bulan lamanya. Maka tatkala ia diatas takhta kerajaan itu dipanggil orang Yang Dipertuan, dan ialah yang berbuat mesjid di bandar itu dan mesjid itu pun istana Raja Dajang buat asalnya didalam negeri. Maka dirombak bawa ke bandar dijadikan mesjid. Maka pada masa itulah Sayyid ‘Abdullah pun datang dari Terengganu. Adapun Sayyid ‘Abdullah itu daripada anak cucu Rasul Allah, Bait-Almukaddas nama negerinya, dan Haji Yunus itu Jawi Patani asalnya dan Syaikh ‘Abdulkadir itu asalnya orang Pasai dan Haji ‘Abdulrrahman itu asalnya orang Jawa, turun dari haj ia beristeri di Patani ini. Adapun Fakih ‘Abdulmanan itu orang Minangkabau datang dari Kedah, ia beristeri di Pujut. Maka sekalian datuk-datuk itulah yang membicarakan kesakitan ra’yat Patani itu dengan hukum Allah yang tersebut didalam kitab Allah. Maka segala ra’yat dalam bandar Patani itu pun sangatlah senang sentosanya pada masa itu. Maka nama Yang Dipertuan pun masyhurlah lantas sampai ke negeri Barat dan Timur<sup>20</sup>

Sultan-sultan yang memerintah Patani sebelum Yang Dipertuan Along Yunus turut berperanan dalam usaha menyebarkan Islam dan mendirikan masjid. *Hikayat Patani* telah menceritakan tentang peranan sultan Mudhaffar Shah (w.1564) dalam penyebaran Islam di peringkat awal kemasyhuran Patani:

Hatta antara beberapa lamanya maka datang pula seorang Pasai bernama Syaikh Safiuddin...Arakian, maka Syaikh Safiuddin pun dipanggil raja bertanyakan perintah agama Islam. Maka sembah Syaikh Safiuddin: “Adapun negeri Islam itu maulah ada sebuah mesjid tempat segala rā'yat menyembah Allah ta'ala, maka nyatalah agama Islam; dan jikalau tiada mesjid itu jua tiadalah kenyataan agama Islam itu”. Arakian maka sultan Mudhaffar Shah pun memberi titah kepada bendahara menyuruh berbuat mesjid seperti sembah Syaikh Safiuddin itu. Hatta maka Mesjid itu di perbuat sudahlah, maka Syaikh Safiuddin pun dikurniai nama Fakih. Syahdan agama Islam pun makin masyhurlah dari pada segala dusun hingga datang kepada negeri kota Mahligai.<sup>21</sup>

Sebagai sebuah negara yang mementingkan ilmu, sudah sewajarnya para pembesar negeri turut sama memberi dorongan kepada kegiatan penulisan. Dalam hal ini, Tun seri Lanang pernah menyatakan dalam kata pendahuluan buku *Sejarah Melayu* bahawa: “Orang yang mendorong beliau menulis *Sejarah melayu* ialah Raja Dewa Said Seri nara wangsa yang bernama Tun Bambang anak seri Akar Raja Patani, seorang besar yang terlebih mulia dan terlebih besar martabahnya daripada yang lain duduk dalam suatu majlis orang-orang besar bersenda gurau pada waktu itu.”<sup>22</sup>

Berdasarkan keterangan di atas dapat dirumuskan bahawa institusi seperti rumah, masjid, istana dan pondok di negeri Patani telah memainkan peranan penting dalam perkembangan ilmu pengetahuan, pendidikan dan dakwah islamiah. Kegiatan yang dilakukan di institusi tersebut tidak jauh berbeza daripada pendidikan yang dilakukan di zaman perkembangan Islam di Timur Tengah. Struktur pendidikan dan kurikulum didapati hampir serupa dengan zaman silam yang lebih menekankan kepada aspek pembacaan, penulisan dan pengajian al-Quran di samping mempelajari asas-asas agama seperti fekah, tauhid, tasawuf, Hadis dan sejarah Islam. Hasil daripada usaha para ulama di samping kerjasama daripada pihak istana, para pembesar dan rakyat jelata, maka Patani kemudiannya terkenal sebagai pusat pengajian dan pendidikan Islam. Agama, ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam bukan sahaja mendapat tempat di dalam negeri Patani, bahkan juga di negeri-negeri lain seperti kelantan, terengganu dan kedah.

Menurut Wan mohd Shaghir antara institusi pengajian pondok yang masyhur ialah pondok Pauh Bok, tempat yang dikatakan Syeikh Daud pernah belajar sebelum beliau melanjutkan pelajarannya ke Mekah<sup>23</sup>. Manakala pondok-pondok lain yang terkenal ialah pondok Semela, Dala, Bermin dan teluk Manuk<sup>24</sup>.

Patani di akhir abad ke-18 dan sepanjang abad ke-19M terus terkenal sebagai pusat pengajian Islam dan kesusasteraan Melayu Islam menerusi kelahiran ulama-ulama besar dan kitab-kitab karangan mereka seperti Syeikh Daud, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain dan lain-lain lagi.

- Ilmu-ilmu yang ditonjolkan di istutusi-istitusi pengajian di rantau ini banyak tertumpu kepada ilmu-ilmu agama seperti fekah, ilmu kalam, tasawuf, tafsir, Hadis dan al-Quran. Sungguhpun begitu, ilmu-ilmu lain seperti kedoktoran, astronomi, geografi, sejarah, hisab dan lain-lain turut dipelajari, walaupun penekanannya tidaklah sama seperti ilmu agama. Terdapat guru-guru yang mempunyai pengetahuan tentang ilmu-ilmu tersebut seperti Syeikh Arshyad al-Banjari yang alim dalam ilmu astronomi dan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani dalam ilmu kedoktoran dan pernah menghasilkan buku yang berjudul *Tayyib al ihsan fi tibb al insan*. Syeikh Ahmad juga pernah menghasilkan karya-karya berkaitan ilmu hisab dan astronomi<sup>25</sup>.

Ilmu-ilmu agama lebih diberikan perhatian di kalangan masyarakat Patani dan Nusantara pada masa itu, jika dibandingkan dengan ilmu lain yang tidak bersifat keagamaan. Hal ini disebabkan, agama Islam adalah merupakan agama yang baru bertapak di rantau ini. Dengan ini perhatian utama adalah diberikan kepada pengajian agama untuk tujuan amalan harian dan pelaksanaan hukum-hukumnya di dalam negeri, begitu juga untuk memperluaskan lagi kegiatan dakwah islamiah ke seluruh rantau ini. Sementara, ilmu-ilmu lain di anggap sebagai penyempurna kepada ilmu-ilmu agama. Tegasnya ilmu agama adalah fardu ain yang perlu di dahulukan dan ilmu lain adalah fardu kifayah.

### **KEHIDUPAN KEAGAMAAN PADA ZAMAN SYEIKH DAUD**

Ciri-ciri kehidupan keagamaan pada zaman Syeikh Daud dapat dilihat dari beberapa sudut:

- Tersebarnya mazhab Syafie dalam pemikiran fikah dan amalan harian kehidupan keagamaan. Manakala dalam pemikiran akidah tersebarnya mazhab Ahli Sunah Wal Jamaah mengikut aliran al-Ash'ari.

Berasaskan tradisi yang sudah terbina sejak penubuhan kerajaan Perlak dan Pasai serta mencapai kemuncaknya pada zaman

pemerintahan kerajaan Aceh, maka terbentuklah pemikiran fekah dan akidah di nusantara pada abad yang ke-18 dan ke-19. Sejak rapatnya hubungan rantau Nusantara dengan Mekah yang bermazhab Syafie maka semakin kukuhlah pegangan terhadap kedua mazhab ini di nusantara<sup>26</sup>.

Pada zaman kegemilangan ini beberapa buah kitab fekah dalam bahasa Melayu telah dihasilkan, sebagai penyambung kepada apa yang telah dirintis pada abad yang sebelumnya, antara kitab-kitab yang yang masyhur seperti, *al-Sirat al mustaqim* oleh Syeikh Nuruddin al-Raniri (m.1658) yang dianggap sebagai peritis dalam bidang ini. Syeikh Abdul Rauf al-Fansuri (m.1693) pula menulis kitab *Mir'at al-tullab* yang membahaskan mengenai muamalat, munakahat dan faraid. Kemudian disusuli kitab *Sabil al-muhtadin* oleh Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari (m.1812). Kitab ini adalah sebagai pelengkap kepada kitab yang pertama itu. Kedua-dua kitab ini membahaskan persoalan ibadah. Seterusnya Syeikh Jalal al-Din al-Tursani telah menulis kitab *safinat al-hukkam* yang membahaskan mengenai kehakiman. Manakala Syeikh Daud al-Fatani telah menulis beberapa buah kitab berkaitan dengan fekah. Antara kitab beliau yang lengkap merangkumi semua bab fekah ialah kitab *Furu' al-masai'l* dan *Hidayat al-muta'allim wa 'umdat al-mua'llim*. Manakala kitab-kitab lain dan merangkumi bahagian-bahagian tertentu dari bab fekah seperti kitab *Munyat al-musalli* menyentuh masalah sembahyang, kitab *Ghayah al-taqrib*, tentang *faraid* dan kitab *Idah al-bab* tentang *munakahat*<sup>27</sup>.

Pemikiran akidah aliran kalam juga mula berkembang pada zaman kegemilangan Aceh abad ke-17M, terdapat dua tokoh ulama besar yang membahaskan persoalan ini iaitu Syeikh Nuruddin al-Raniri (m.1658) dan Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili (m.1693). Seterusnya pada abad ke-18 muncul seorang ulama aceh yang bernama Syeikh Muhamad Zain Faqih Jalaluddin al-Ashi (m.1757). Antara usahanya yang terpenting ialah beliau telah menterjemahkan serta mengubahsuai kitab yang bertajuk *Umm al-barahin* oleh Imam al-Sanusi yang membahaskan mengenai sifat dua puluh. Kitab ini kemudian diberi nama *Bidayat al-hidayah*.<sup>28</sup> Selepas itu muncul lagi beberapa kitab berkaitan dengan ilmu kalam yang berdasarkan kitab *Umm al-barahin* antaranya kitab *Zuhrat al-murid fi bayan kalimat al-tawhid* oleh Syeikh Abdul Samad al-Palimbani.<sup>29</sup> Manakala Syeikh Daud al-Fatani telah menulis kitab *al-Durr al-thamin* yang membincangkan tentang akidah yang banyak di petik dari kitab *Umm al-barahin*. Beliau kemudian telah memajukan lagi pekembangan ini dengan menterjemah matan *Jawharat al-tawhid* dan diberi nama *'Aqd al-jawahir*. selepas itu beliau telah menulis syarah kepada matan tersebut dan diberi nama *Ward al-zawahir li hall alfaz 'aqd al-*

*jawahir*<sup>30</sup>. Kitab ini merupakan kitab akidah yang terbesar pernah dihasilkan di rantau Nusantara<sup>31</sup>.

- Di antara fenomena keagamaan yang lain ialah dominasi roh tasawuf dalam masyarakat dan berkembangnya aliran pemikiran Sufi. Sejak bermulanya perkembangan Islam di Nusantara ajaran tasawuf mula tersebar. Namun ajaran tasawuf dan pemikiran sufi hanya mencapai kemuncaknya pada zaman kegemilangan Aceh pada abad ke-17M. Pada abad ini, bukan sahaja pemikiran sufi amali yang berkembang, bahkan ajaran dan pemikiran sufi falsafi turut bertapak dengan kukuh di Aceh dan tersebar luas di kalangan masyarakat Nusantara. Di antara tokoh yang terkemuka yang dianggap sebagai pendukung ajaran *wahdat al-wujud* ini ialah Hamzah al-Fansuri dan Shamsuddin al-Sumatrani<sup>32</sup>.

Pada abad ke-18M dan ke-19M, penyebaran tarekat dan tasawuf sunni terus berkembang pesat manakala tasawuf falsafi pula semakin berkurangan dan akhirnya terhapus kerana tentangan hebat para ulama Syariah dan tasawuf sunni. Boleh dikatakan kebanyakannya para ulama terkenal pada masa itu mendukung ajaran-ajaran tarekat yang tertentu. Mereka bukan sahaja meneruskan warisan tarekat yang ada di Aceh, bahkan ada juga yang dibawa terus dari Tanah Hijaz dan negara-negara Timur Tengah yang lain. Di samping tarekat lama iaitu tarekat Shattariyyah yang terus berkembang, terdapat juga tarekat-tarekat yang baru muncul seperti Shadhiliyyah, Naqshabandiyah, Sammaniyyah dan Ahmadiyyah<sup>33</sup>.

Dalam penyebaran tasawuf amali Syeikh Daud al-Fatani dan Syeikh Abdul Samad al-Falimbani merupakan dua contoh baik dari kalangan ulama yang berjaya dalam usaha mendamaikan aspek hukum dengan aspek mistis Islam. Syeikh Abdul Samad dianggap sebagai penterjemah kepada *Ihya' 'ulum al-din* melalui dua buah karyanya yang masyhur iaitu *Hidayat al-salikin* dan *siyar al-salikin*. Manakala Syeikh Daud al-Fatani telah menterjemahkan dua karya Imam al-Ghazali iaitu *Bidayat al-hidayah* dan *Minhaj al-'abidin*<sup>34</sup>.

- Wujudnya suasana toleransi dalam beragama. Semenjak Islam mula bertapak di rantau ini sehingga Islam menguasai takhta pemerintahan, kehormatan agama dan para penganutnya tetap dijaga. Sungguhpun terdapat di dalam masyarakat Islam, mereka yang beragama Buddha, Hindu dan Kristian, mereka tetap dapat hidup dengan aman tanpa sebarang ancaman yang dicetuskan kerana sengketa keagamaan. Suasana harmoni ini terus terkawal meskipun kegiatan dakwah setiap pihak bergerak lancar terutamanya Islam. Penulis tidak menemui buku-buku khusus yang ditulis oleh para ulama pada masa itu tentang forum antara agama. Namun, dalam

persoalan akidah Syeikh Daud menyatakan adalah menjadi suatu kewajipan atau fardhu kifayah bagi setiap tempat mendapatkan seorang alim yang dapat menghuraikan syubhat ahli bidaah dan orang-orang kafir. Syeikh Daud berkata: "...maka wajib sekalian ahli negeri itu belajar hingga dapat seorang yang boleh menetapkan dalil dan menghuraikan syubhat yang didatangkan oleh orang-orang mulhidah<sup>35</sup>." Ini jelas menunjukkan sikap toleransi para ulama Islam dalam kehidupan beragama sehingga Islam mendapat tempat dalam masyarakat dan dikembangkan.

### **KARYA-KARYA AKIDAH SYEIKH DAUD AL-FATANI**

Syeikh Daud telah meninggalkan beberapa buah kitab yang berkaitan akidah Islam dalam usaha untuk memartabatkan pegangan akidah Ahli Sunnah Waljamaah di Nusantara. Antara kitab-kitab tersebut adalah:

#### ***Ward al-Zawahir li-Hall Alfaz 'Aqd al-Jawahir***

Kitab ini telah dicetak di Percetakan al-Miriyyah, Mekah pada tahun 1332H/1914M. Ia mengandungi 432 halaman. Syeikh Daud telah menyelesaikan karyanya ini pada tahun 1245H. Buku ini adalah ulasan yang telah dibuat oleh Syeikh Daud terhadap *matn Jawharat al-tawhid* yang ditulis oleh Shaykh Ibrahim al-Laqqani. Buku ini mengandungi perbincangan yang lengkap dan menyeluruh berhubung dengan persoalan-persoalan dalam ilmu akidah iaitu persoalan ketuhanan, kenabian dan *sam'iyyat*. Pada keseluruhannya, Syeikh Daud telah membuat ulasan yang terperinci dalam persoalan-persoalan tersebut dan buku ini merupakan buku akidah dalam tulisan jawi yang lengkap dan terperinci pernah ditemui di Nusantara. Syeikh Daud juga menyentuh di akhir buku ini persoalan ilmu tasawuf, taubat dan syaratnya dan hukum orang yang merokok. Buku ini telah diterbitkan semula oleh Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur.

#### ***Al-Durr al-Thamin***

Kitab ini telah selesai ditulis oleh Syeikh Daud pada hari sabtu 17 Shawal 1232H di Mekah. Buku ini telah dicetak dan diedarkan oleh Percetakan al-Ma'arif Sdn. Bhd. Pulau Pinang tetapi tanpa tarikh percetakan. Buku setebal 103 muka surat ini telah ditulis oleh Syeikh Daud untuk menjelaskan pendapat ulama ahli *tahqiq* dalam persoalan akidah. Buku ini membincangkan secara terperinci persoalan akidah berhubung dengan ketuhanan khususnya persoalan sifat dua puluh. Sementara persoalan kenabian dan *sam'iyyat* dibincang secara ringkas sahaja.

#### ***Diya' al-Murid***

Kitab ini telah ditulis oleh Syeikh Daud untuk menjelaskan pengertian kalimah *shahadah* dengan kandungan akidah tauhid. Beliau telah

membahagikan perbincangan di dalam kitab ini kepada empat fasal: Fasal pertama, menjelaskan maksud kalimah tersebut iaitu mengisbatkan keesaan Tuhan dan menafikan segala bentuk penyekutuan atau syirik sama ada zahir atau batin. Fasal yang kedua menjelaskan syarat-syarat untuk menjadikan *shahadah* itu diterima dan mendapat pahala disisi Allah. Fasal yang ketiga memuatkan perbincangan tentang adab-adab berzikir dengan menggunakan kalimah tersebut. Manakala fasal yang keempat menyentuh perbincangan mengenai kelebihan berzikir dan ia merupakan suatu perkara yang wajib bagi orang-orang yang beriman. Risalah ini telah dicetak di bahagian tepi kitab *al-Durr al-thamin* yang diterbitkan oleh Percetakan al-Ma'arif Sdn.Bhd.

### ***Sullam al-Mubtadi***

Kitab ini telah selesai ditulis oleh Syeikh Daud pada tahun 1252H. Kitab setebal 48 muka surat ini membincangkan tiga persoalan utama iaitu akidah, fikah dan tasawuf. Namun fokus utama perbincangan kitab ini ialah persoalan fikah. Kitab ini hanya menyentuh persoalan asas tentang akidah secara umum tanpa penghuraian yang terperinci. Bab akidah yang dibincangkan dalam buku ini hanya empat muka surat sahaja menyentuh perkara yang wajib diiktikad oleh seseorang Muslim berhubung dengan ketuhanan, kenabian dan persoalan Malaikat. Syeikh Daud juga menyentuh kewajipan menjaga agama Islam dan perkara-perkara yang boleh membatalkan *shahadah* sama ada perbuatan atau perkataan. Buku ini diterbitkan oleh Percetakan al-Ma'arif Sdn. Bhd. Buku ini telah diulas pula oleh Syeikh Muhamad Nur Bin Muhamad Bin Ismail al-Fatani dan diberi judul baru iaitu *Kifayat al-muhtadi pada menerangkan cahaya sullam al-mubtadi*. Buku ini diterbitkan oleh Maktabah al-Nahdi, Bangkok tetapi tiada tarikh cetakan.

### ***Risalah Kifayat al-Mubtadi wa Irshad al-Muhtadi***

Risalah setebal 39 muka surat ini telah dicetak pada tahun 1309H di Percetakan al-Miriyyah di Mekah. Dalam risalah yang ringkas ini Syeikh Daud telah menyentuh secara ringkas berhubung kewajipan bagi seseorang Mukallaf supaya beriman dengan kewujudan Allah dan mengetahui sifat-sifat-Nya. Begitu juga beliau menjelaskan mengenai kewajipan beriman dengan rukun-rukun iman yang enam dengan penuh yakin. Pada bahagian kedua risalah ini, Syeikh Daud menjelaskan mengenai adab-adab berdoa dan berzikir serta zikir-zikir yang perlu diutamakan dan doa-doa yang mujarab. Risalah ini telah diterbitkan semula oleh Khazanah Fathaniyah Kuala Lumpur pada tahun 1999.

***Al-Manhal al-Safi fi Bayan Rumuz Ahl al-Sufi.***

Kitab setebal 53 halaman ini tidak dinyatakan tempat percetakan dan tarikhnya. Kitab ini pada keseluruhannya membincangkan persoalan ilmu tasawuf dan istilah-istilah yang digunakan dalam ilmu tersebut. Dalam perbincangan istilah tersebut Syeikh Daud telah menyentuh persoalan tauhid menurut fahaman ulama sufi dan persoalan martabat tujuh.

***Furu' al-Masa'il***

Kitab ini mengandungi dua jilid. Jilid pertama setebal 275 muka surat, sementara jilid kedua setebal 392 muka surat. Pada keseluruhannya kitab ini membincangkan persoalan fikah secara terperinci dalam semua bahagiannya. Syeikh Daud hanya menyentuh beberapa persoalan mengenai akidah dari muka surat dua hingga muka surat 15 dalam jilid yang pertama. Antara persoalan utama yang dibincangkan ialah perbahasan tentang perbuatan manusia. Buku ini telah diulang cetak oleh Maktabah al-Iman di Kaherah tanpa tarikh percetakan.

***Kashf al-Ghumma***

Syeikh Daud telah selesai menulis kitab ini pada 20 Rabiulawal tahun 1237H. Kitab ini pada keseluruhannya menyentuh mengenai kematian, alam barzah dan peristiwa-peristiwa yang akan berlaku pada hari kiamat. Kitab ini dicetak pada bahagian tepi kitab *Furu' al-Masa'il*.

***Fara'id Fawa'id al-Fikr fi al-Imam al-Mahdi***

Syeikh Daud selesai menulis kitab ini pada 20 Rabiulawal tahun 1238H. Kitab ini adalah terjemahan yang telah dialih bahasa oleh Syeikh Daud daripada kitab yang berbahasa Arab tulisan Shaykh Mar'i bin Yusuf dengan judul yang sama. Keseluruhan kitab ini menyentuh mengenai kelahiran Imam Mahdi, sifat-sifat dan waktu kemunculannya. Kitab ini masih belum ditemui secara bercetak dan yang ada sekarang ini hanya dalam bentuk manuskrip yang tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia dengan nombor (MSS. 2272). Manuskrip yang sama juga terdapat dalam koleksi buku dan manuskrip Syeikh Daud yang dimiliki oleh Tuan Haji Wan Mohd. Saghir Abdullah.

***Hidayat al-Muta'allim wa Umdat al-Mu'allim***

Kitab ini telah selesai ditulis oleh Syeikh Daud pada tahun 1244H. Kitab ini pernah diterbitkan oleh Percetakan al-Miriyyah di Mekah pada tahun 1312H dengan ketebalan 382 muka surat. Sehingga sekarang ini belum dijumpai teks lain yang bercetak selain daripada teks percetakan ini. Kitab ini terdiri dari tiga bahagian yang utama iaitu akidah, fikah dan tasawuf. Syeikh Daud hanya mengkhususkan perbincangan mengenai akidah dalam 27 muka surat sahaja dan fokus

utama perbincangan akidah dalam kitab ini adalah berkaitan dengan rukun iman, rukun Islam, syarat-syarat Islam dan cabang-cabang iman.

### ***Jawahir al-Saniyyah***

Kitab ini telah selesai ditulis oleh Syeikh Daud pada tahun 1252H dan telah dicetak oleh Percetakan Sulaiman al-Mar'i di Singapura tetapi tanpa tarikh percetakan. Kitab setebal 254 halaman ini megandungi tiga bahagian utama iaitu akidah, fikah dan tasawuf. Perbincangan akidah dalam kitab ini hanya terdiri daripada 35 muka surat sahaja. Dalam ruangan yang terhad ini, Syeikh Daud telah menyentuh secara keseluruhan fokus perbincangan akidah iaitu persoalan ketuhanan dan sifat-sifat Tuhan, persoalan kenabian dan keimanan kepada perkara-perkara *sam'iyyat*. Kitab ini terdapat dalam Koleksi Islam Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia dengan nombor panggilan (BP.161.2.F373.23).

### ***Risalat al-Bahjah al-Saniyyah***

Risalah ini adalah hasil terjemahan Syeikh Daud terhadap kitab guru beliau Shaykh Ahmad al-Marzuqi. Risalah ini pernah dicetak oleh Percetakan al-Miriyyah di Mekah dan diterbitkan semula oleh Khazanah Fathaniyah tahun 1999. Risalah setebal 21 muka surat menyentuh persoalan-persoalan asas akidah mengenai ketuhanan, kenabian dan *sam'iyyat* yang perlu diyakini oleh orang awam.

### ***Kifayat al-Muhtaj***

Kitab ini telah selesai ditulis oleh Syeikh Daud pada tahun 1224H dan diterbitkan oleh Percetakan al-Ahliyyah Sdn. Bhd Kota Bharu Kelantan tetapi tanpa tarikh percetakan. Kitab setebal 28 muka surat ini secara keseluruhannya menyentuh persoalan Israk dan Mikraj secara terperinci. Semua perbincangan tersebut adalah berasaskan kepada hadis-hadis Rasulullah s.a.w.

Kitab-kitab akidah tersebut adalah bertepatan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang dipengang oleh ulama Islam diseluruh dunia iaitu akidah al-As'aifyah. Rujukan dalam penulisan beliau adalah kitab-kitab imam al-Sanusi dan huraihan kepada jawaharah al-Tawhid.

## **KESIMPULAN**

Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani adalah antara tokoh ulama Islam yang terbilang di Nusantara pada akhir abad ke-18 M dan awal abad ke-19 M. Beliau telah dilahirkan di Kerisik, Patani. Beliau telah meninggal dunia di tanah Hijaz dan dikuburkan di Ta'if.

Syeikh Daud di lahir dan dibesarkan dalam keluarga yang mencintai ilmu pengetahuan. Bapanya Wan Abdullah dan datuknya Wan Idris

adalah antara dua orang tokoh ulama yang terkenal pada zamannya. Beliau telah mendapat pendidikan awal dari kalangan keluarganya sendiri sebelum beliau belajar dengan guru-guru lain di sekitar Patani. Setelah umurnya meningkat dewasa beliau telah menyambung pelajarannya ke Mekah.

Sewaktu berada di Mekah Syeikh Daud telah belajar dengan guru-guru yang berketurunan Melayu dan Arab. Antara guru Melayu beliau yang terkenal ialah Syeikh Salleh bin Abdul Rahman al-Fatani dan Syeikh Ali bin Ishaq al-Fatani. Sementara guru-guru Arab pula seperti Shaykh Ḥabd al-Karim al-Samman (1719-1775M) dan Shaykh Ḥabd Allah al-Sharqawi (1738-1812M) dan lain-lain.

Setelah mendapat pendidikan daripada guru-guru yang mursyid dengan sanad perguruan dan ijazah pengajaran, Syeikh Daud telah mencapai tahap keilmuan yang tinggi dalam bidang akidah, fikah dan tasawuf. Begitu juga beliau telah berjaya menjadi seorang pendidik yang telah melahirkan tokoh-tokoh ulama yang terkenal di Nusantara. Syeikh Daud juga telah menghasilkan banyak karya dalam berbagai-bagi bidang khususnya dalam bidang akidah, fikah dan tasawuf. Sehingga sekarang ini karya-karya Syeikh Daud dalam pelbagai disiplin ilmu yang dapat dikenal pasti adalah sebanyak 63 buah.

Kepakaran Syeikh Daud dalam bidang akidah terserlah apabila beliau berjaya menghasilkan kitab-kitab dan risalah mengenai akidah. Antara kitab akidah yang terpenting yang telah ditulis oleh Syeikh Daud ialah kitab *al-Durr al-thamin* dan *Ward al-zawahir*. Kitab *al-Durr al-thamin* merupakan satu usaha Syeikh Daud untuk menghimpunkan pendapat-pendapat yang muktamad dalam persoalan akidah menurut pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Sementara kitab *Ward al-zawahir* memuatkan satu ulasan lengkap dan terperinci mengenai persoalan-persoalan akidah.

Syeikh Daud antara tokoh ulama yang sangat mengambil berat mengenai umat Islam dan merasa bimbang dengan kelemahan pegangan akidah umat Islam pada zamannya. Sebagai satu usaha untuk memperteguhkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, Syeikh Daud telah menulis kitab-kitab akidah dan risalah-risalah kecil berkaitan dengan persoalan akidah yang boleh menjadi panduan kepada umat Islam yang berminat dalam bidang akidah Islam. Sebahagian daripada kitab dan risalah beliau masih lagi dicetak sehingga ke hari ini.

## NOTA HUJUNG

- <sup>1</sup> Kubku Suwannathat-Pian, *Asia Tenggara, hubungan tradisional serantau*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 146.
- <sup>2</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani ulama dan pengarang terulung Asia Tenggara*, hlm. 9. Lihat, Ismail Che Daud, Syaikh Daud al-Fatani, hlm. 3.
- <sup>3</sup> Ismail Che Daud, Syaikh Daud al-Fatani, hlm. 32.
- <sup>4</sup> Wan Mohd. Shagir Abdullah, *Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani ulama dan pengarang terulung Asia Tenggara*, hlm. 24.
- <sup>5</sup> Ismail Che Daud, Syaikh Daud al-Fatani, hlm. 4. Wan Mohd. Shagir Abdullah, *Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani ulama dan pengarang terulung Asia Tenggara*, hlm. 24.
- <sup>6</sup> Ismail Che Daud, Syaikh Daud al-Fatani, hlm. 4.
- <sup>7</sup> S. M. Naquib al-Attas, *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*, Penebit Mizan, Bandung, 1990, hlm. 38.
- <sup>8</sup> M. A. Rauf, *Iktisar sejarah Islam*, Fajar Bakti, Sdn. Bhd. Petaling Jaya, 1987, hlm. 111.
- <sup>9</sup> ibid., hlm. 110. Lihat juga, kertas kerja oleh H. Roeslan Abdul Ghani, Islam datang ke Nusantara membawa tamadun, kemajuan dan kecerdasan, dalam *Sejarah masuk Dan berkembangnya Islam di Indonesia*, Penerbitan al-Ma'arif, Indonesia, 1981, hlm. 100.
- <sup>10</sup> A. Bangnara, *Patani dulu dan sekarang*, hlm. 6-7.
- <sup>11</sup> A. Teeuw dan D. K. Wyatt, *Hikayat Patani the story of Patani*, Koninklijk Institut Voor Taal, Land-En Volkenkunde, 1970, hlm. 78-79.
- <sup>12</sup> Hamdan Hassan, Pertalian Pemikiran Islam Malaysia-Acheh, dalam *Tamadun Islam di Malaysia*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 53-54.
- <sup>13</sup> S. M. Naquib al-Attas, *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*, hlm. 66
- <sup>14</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Khazanah karya Pusaka Asia Tenggara*, Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 157.
- <sup>15</sup> S. M. Naquib al-Attas, *Islam dalam sejarah kebudayaan Melayu*, hlm. 66.
- <sup>16</sup> M. Zainuddin, *Tarich Adjeh dan Nusantara*, Percetakan Indonesia, Medan, 1961, Jil.1.  
hlm. 257.
- <sup>17</sup> Mahayudin Haji Yahya, *Islam di alam Melayu*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1998, hlm. 189-190.

- <sup>18</sup> Azyumardi Azra, *Jaringan ulama*, Penerbit Mizan, Bandung, 1994, hlm. 240. Lihat juga, S. M. Naquib al-Attas, *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*, hlm. 39-42.
- <sup>19</sup> Mohd Zamberi A. Malik, *Patani dalam tamadun Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 95.
- <sup>20</sup> A. Teeuw dan D. K. Wyatt, *Hikayat Patani the story of Patani*, hlm. 130-131.
- <sup>21</sup> ibid., hlm. 78-79.
- <sup>22</sup> Mohd Zamberi A. Malik, *Patani dalam tamadun Melayu*, hlm. 92.
- <sup>23</sup> Wan Mohd. Shagir Abdullah, *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani ulama dan pengarang terulung Asia Tenggara*, hlm. 5.
- <sup>24</sup> Abdul Latif Hamidon, Institusi Pondok Dalam Tradisi Budaya Ilmu, *Tamadun Melayu*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989. jil. 2, hlm. 775.
- <sup>25</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *al-Allamah Syeikh Ahmad al-Fathani ahli fikir Islam dan dunia Melayu*, Khazanah Fathaniah, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 124.
- <sup>26</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran umat Islam di Nusantara*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 136-137.
- <sup>27</sup> Berhubung dengan perkembangan ilmu fikah di Asia Tenggara, lihat, buku yang ditulis oleh Wan. Mohd. Shaghir Abdullah, *Perkembangan ilmu fiqh dan tokoh-tokohnya di Asia Tenggara*, Penerbit Ramadhani, Solo, 1985.
- <sup>28</sup> Muhamad Zain Faqih Jalaluddin al-Ashi, *Bidayat al-hidayah*, Maktabah Dar al-Ma'arif, Pulau Pinang, t.th.
- <sup>29</sup> Wan Mohd. Shaghir, *Syeikh Abdul Shamad Palembang ulama Sufi dan jihad dunia Melayu*, Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur, 1996, hlm. 50.
- <sup>30</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah. *Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani ulama dan pengarang terulung Asia Tenggara*, hlm.55-56.
- <sup>31</sup> Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, *Ward al-zawahir li hall alfaz 'aqd al-jawahir*, Matba'ah al-Miriyah, Makkah, 1332H.
- <sup>32</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran umat Islam di Nusantara*, 152.
- <sup>33</sup> ibid., hlm.176.
- <sup>34</sup> Azyumardi Azra, *Jaringan ulama*, hlm. 271-272.
- <sup>35</sup> Syeikh Daud, *al-Durr al-thamin*, Percetakan al-Ma'arif, Pulau Pinang, t.th, hlm. 14.

## **RUJUKAN**

- ‘Abd al-Raziq, Mustafa. t.th. *Tamhid li Tarikh al-Falsafah al-Islamiyyah*. al-Qaherah: Lajnat al-Ta’lif wa al-Tarjamah wa al-Nashr.
- ‘Abduh, Muhammad. t.th. *Risalat al-Tawhid*. al-Qaherah: Dar al-Sha’b.
- Ab. Aziz Ismail. 1994. Syeikh Daud al-Fatani: Pengaruh pemikirannya di Kelantan. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abdul Aziz Ambak Ismail. 1991. Sumbangan Syeikh Daud dalam bidang akidah Islam di Nusantara. Kertas kerja Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Peringkat Kebangsaan Kali Keempat (Syeikh Daud Abdullah al-Fatani). Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 17-19 Disember.
- Abdul Aziz Dahlan. 1999. *Penilaian Teologis atas paham Wahdat al-Wujud dalam Tasawuf Syamsuddin Sumatrani*. Padang: IAIN-IB Press.
- Abdul Hamid al-Senawi. t.th. *Risalah Bahasan Niat Sembahyang*. Menara: Pertama Muslim Press.
- Abdul Latif Hamidon. 1989. *Tamadun Melayu*. Jil. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Abdullah. 1990. *Pemikiran Umat Islam di Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Abdullah. 1995. *Falsafah Alam Semesta dalam Sejarah Tauhid Melayu*. Selangor: Access Infotech Sdn. Bhd.
- Abdul Samad al-Falimbani. t.th. *Siyar al-Salikin*. Indonesia: Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Abdullah Halim Bashah. 1994. *Raja Campa & Dinasti Jembal dalam Patani Besar*. Kubang Kerian: Pustaka Reka.
- Abdullah Ishak. 1995. *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Fathy al-Fatani. 1994. *Pengantar Sejarah Patani*. Alor Star: Pustaka Darussalam.
- Azyumardi Azra. 1994. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Bangnara, A. 1977. *Patani Dulu dan Sekarang*. Terj. A. Jala & A. Fatani. Patani: Panel Penyelidikan Angkatan al-Fatani.
- Daud Abdullah al-Fatani. 1312H. *Hidayat al-muta’allim wa ‘umdat al-mu’allim*. Makkah: Matba’at al-Miriyyah.
- Daud Abdullah al-Fatani. 1332H. *Ward al-Zawahir li Hal Alfaz ‘Aqd al-Jawahir*. Makkah: Matba’at al-Miriyyah.

- Daud Abdullah al-Fatani. 1351H. *Sullam al-mubtadi*. t.tp.: Maktabah Muhammad al-Nahdi wa awladuh.
- Daud Abdullah al-Fatani. 1936. *Shu'ab al-Iman*. al-Qaherah: Matba'ah Mustafa al-Bab al-Halabi.
- Daud Abdullah al-Fatani. 1999. *Kitab Kanz al-Minan 'ala Hikam Abi Madyan*. Kuala Lumpur: Khazanah al-Fataniyah.
- Daud Abdullah al-Fatani. 1999. *Risalah Kifayat al-Mubtadi wa Irshad al-Muhtadi*. Kuala Lumpur: Khazanah al-Fataniyah.
- Daud Abdullah al-Fatani. 1999. *Risalat al-Bahjah al-Saniyyah fi al-'Aqa'id al-Suniyyah*. Kuala Lumpur: Khazanah al-Fataniyah.
- Daud Abdullah al-Fatani. t.th. *al-Durr al-Thamin*. Pulau Pinang: Percetakan al-Ma'arif.
- Daud Abdullah al-Fatani. t.th. *al-Manhal al-Safi fi Bayan Rumuz Ahl al-Sufi*. t.tp: t.pt.
- Daud Abdullah al-Fatani. t.th. *Diya' al-murid*. Pulau Pinang: Percetakan al-Ma'arif.
- Daud Abdullah al-Fatani. t.th. *Fara'id Fawa'id al-Fikr fi al-Imam al-Mahdi*. Manuskrip 2272 Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur.
- Daud Abdullah al-Fatani. t.th. *Furu' al-masa'il*. al-Qaherah: Maktabat al-Iman.
- Daud Abdullah al-Fatani. t.th. *Jawahir al-Saniyyah*. Singapura: Maktabah Sulaiman Mar'i.
- Daud Abdullah al-Fatani. t.th. *Kashf al-Ghummah*. al-Qaherah: Maktabat al-Iman.
- Daud Abdullah al-Fatani. t.th. *Kifayat al-Muhtaj*. Kota Bharu: Percetakan al-Ahliyah Sdn. Bhd.
- Daud Abdullah al-Fatani. t.th. *Minhaj al-'abidin*. Pulau Pinang: Percetakan al-Ma'arif.
- Engku Ibrahim Ismail. 1992. *Syeikh Daud al-Fatani: Satu Analisis Peranan dan Sumbangannya terhadap Khazanah Islam di Nusantara*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Faudzinain Badaruddin. 1998. Manhal al-safi by Syeikh Daud al-Fatani as a specimen of Malay kitab-literature of 18-19cc. Text translation and analysis. Tesis Doktor Falsafah, University of London.
- Faudzinain Badaruddin. 1999. Syeikh Daud al-Fatani: Riwayat hidup, pendidikan dan karya-karyanya. *al-Maw'izah* 7: 37-53.
- Fauzi Deraman. 1997. Kedudukan Hadis dalam kitab jawi, satu kajian terhadap karya-karya Syeikh Daud al-Fatani. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Hasjmy, A. 1981. *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*. Jakarta: Penerbitan al-Ma'arif.
- Ibrahim Shukri. t.th. *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Ismail Che Daud. 1988. Syaikh Daud al-Fatani (1769-1847). Dlm. Ismail Che Daud (pnyt.). *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*, hlm. 1-39. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Kubkuwa Suwannathat-Pian. 1997. *Asia Tenggara, Hubungan Tradisional Serantau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin Yahya. 1998. *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zamberi A. Malik. 1994. *Patani dalam Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mudasir Rosder. 1989. *Asas Tauhid Pertumbuhan dan Huraianya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 1999. *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rauf, M.A. 1987. *Iktisar Sejarah Islam*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Shellabear, W.G. 1979. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Syamsul Bahri Andi Galigo. 1998. Syeikh Yusuf Makassar dan pemikiran tasawwufnya: Satu Kajian risalah al-Nafhat al-Saylaniyyah. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Syed Muhamad Naquib al-Attas. 1990. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bandung: Penebit Mizan.
- Teeuw, A. & Wyatt. D.K. 1970. *Hikayat Patani the Story of Patani*. Koninklijk Instituut Voor Taal: Land-En Volkenkunde.